



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

PN. Nurul Fitri,
Telefon : 03-88803500
03-88803782

Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

JK/MP 16/2

13 Julai 2011

Semua Pengarah Mahkamah Negeri

Semua Hakim Mahkamah Sesyen

Semua Timbalan Pendaftar

Semua Penolong Kanan Pendaftar

Semua Majistret

Semua Pendaftar Mahkamah Rendah

SEMENANJUNG MALAYSIA

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PEMBAYARAN FI PEMFAILAN HUJAHAN BERTULIS DAN IKATAN OTORITI DI MAHKAMAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Daripada pemerhatian Pejabat Ketua Pendaftar, terdapat amalan yang berbeza di antara mahkamah-mahkamah mengenai pembayaran fi pemfailan Hujahan Bertulis dan Ikatan Otoriti di mana ada sesetengah mahkamah yang menghendaki dokumen tersebut dibayar manakala yang lain pula tidak mengenakan sebarang bayaran dan diserahkan terus kepada pegawai semasa sesi pengurusan kes atau diserahkan secara terus kepada Setiausaha YA Hakim / Hakim Sesyen / Majistret.

3. Amalan yang tidak seragam ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan banyak pihak terutamanya pihak peguam. Oleh yang demikian, YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan hendaklah **memastikan mahkamah seliaan YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan tidak lagi mengenakan sebarang bayaran untuk pemfailan Hujahan Bertulis dan Ikatan Otoriti memandangkan tiada peruntukan khusus mengenai perkara tersebut.**


...2/-

4. Perkara ini telah dirujuk untuk makluman dan arahan YAA Hakim Besar Malaya dan YAA telah bersetuju dengan perkara ini. Arahan ini adalah berkuat kuasa serta-merta dan diharapkan ia dapat melicinkan urusan pentadbiran di mahkamah YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan sekalian.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATUK HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mankamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k

- YAA Ketua Hakim Negara
- YAA Hakim Besar Malaya
- YAA Hakim Besar Sabah Sarawak
- Semua YA Hakim Pengurus
- Semua YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
- Timbalan Ketua Pendaftar
- Pendaftar Mahkamah Rayuan
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
- Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
- Majlis Peguam Malaysia